

PERCUMA

Wadah
MAIPk Edisi
Ketiga 2018
Bil Ke-29

Wadah MAIPk



مجلس أمانة إسلام
وأن عادت ملايو في رأس



DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

MENYEMPURNAKAN
MAJLIS PERASMIAN
DEWAN PENGINAPAN
MAHASISWA MAIPk



RAMAH MESRA
& BANTUAN BINA
RUMAH ORANG ASNAF

MAIPk TERUS
MEMPERGIATKAN
MENZIARAH &
MENYANTUNI ASNAF


TITAH
DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI
SULTAN PERAK
SULTAN NAZRIN
MUIZZUDDIN
SHAH

MALAM SEMARAK PERJUANGAN SEMPENA ANUGERAH TOKOH SRIKANDI 2018

ANJURAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU
SEMENANJUNG (GPMS)

TARIKH : 7 ZULKAEDAH 1439 / 20 JULAI 2018 (JUMAAT)
MASA : 8.30 MALAM TEMPAT : HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR.

“Penghijrahan Minda
- Penghijrahan Budaya”



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, lebih dikenali dengan rujukan ringkas GPMS, dicetuskan idea penubuhannya, semasa berlangsungnya Kongres Penuntut Melayu Malaya, pada 14 dan 15 Ogos 1948, oleh Aminuddin Baki, bersama Abdullah Majid dan Wan Sulaiman Pa'wanteh, pelajar-pelajar Raffles College, serta Abdul Wahab Mohamed Ariff, Siti Hasmah Mohd. Ali dan Mohd Nor Marahakim, pelajar-pelajar King Edward College of Medicine, Singapura.

2. Pada tahun 1948, rekod menunjukkan, pelajar King Edward College of Medicine berjumlah 312 orang, bilangan pelajar Melayu hanya 25 orang (merupakan, 8 peratus daripada jumlah pelajar); pelajar di Raffles College, berjumlah 300 orang, bilangan pelajar Melayu hanya 33 orang (merupakan 11 peratus daripada jumlah pelajar), dan pelajar Malaya di United Kingdom berjumlah 200 orang, bilangan pelajar Melayu hanya 38 orang (merupakan 19 peratus daripada jumlah pelajar); bererti pada tahun 1948, terdapat hanya 96 orang pelajar Melayu mengikuti pengajian di peringkat *tertiary*.

3. Kongres yang berlangsung pada 14 dan 15 Ogos berpendapat, bahawa GPMS wajiblah di dirikan dengan tujuan menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar-pelajar Melayu daripada segenap lapisan. Salah satu daripada empat kesedaran yang terkandung di dalam Mukadimah GPMS ialah:

“Sedar bahawa maju-mundur, kaya-miskin dan hina mulianya bangsa itu terletak di tangan kami.”

4. Kesedaran tersebut menegaskan, bahawa maju, kaya dan mulianya bangsa, terletak di tangan orang Melayu; kesedaran tersebut juga menegaskan bahawa mundur, miskin dan hinanya bangsa itu turut terletak di tangan orang Melayu. Kesedaran tersebut adalah satu keinsafan - satu pengakuan - satu lafadz - satu ikrar.

5. Aminuddin Baki, setelah memperoleh ijazah, tidak memilih menyertai perkhidmatan Malayan Civil Service atau MCS, yang ketika itu dianggap lebih *glamorous*, tetapi memilih menjadi seorang guru, kerana Aminuddin mempercayai, bahawa pendidikan berperanan amat berpengaruh di dalam mencanai minda bangsa, agar bangsa berfikiran berani sebagai bangsa yang merdeka, bangsa yang mindanya tidak berjiwa hamba yang terjajah.

6. Bangsa Melayu yang mahu maju dan dihormati, hendaklah terdiri daripada bangsa yang berani berminda terbuka - berminda merdeka, minda yang tidak membenarkan dirinya menjadi hamba kepada kekayaan material - kemewahan kebendaan serta minda yang tidak membenarkan dirinya menjadi abdi kerana tarikan jawatan - tarikan gelaran, hingga bersedia menggadaikan prinsip dan kebenaran.
7. Suara para pejuang GPMS yang gemakan sejak tahun 1948, telah berjaya mempengaruhi dasar-dasar tertentu di dalam negara, terutama di dalam program pendidikan, paling terserlah selepas Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan. Program Dasar Ekonomi Baru yang paling berjaya ialah program pendidikan, program mengilmukan bangsa. Melalui program pendidikan, bilangan kumpulan menengah Melayu telah berjaya ditambah. Anak-anak daripada desa, daripada keluarga petani dan nelayan, anak-anak buruh dan penoreh getah, anak-anak penjual sate dan penarik beca, anak-anak kakitangan awam berjawatan rendah, berjaya dihijrahkan kehidupan mereka melalui program pendidikan. Mereka menjawat pelbagai jawatan baik di dalam sektor awam mahupun swasta, di dalam pelbagai profesion, menjadi pensyarah, akauntan, peguam, jurutera, doktor, pilot, banker dan pelbagai lagi.
8. Pada hakikatnya, bilangan profesional Melayu telah bertambah. Walaupun bilangan profesional Melayu telah bertambah, namun secara relatif, bilangan profesional Melayu di bumi ini, masih berada di belakang, berbanding kaum-kaum lain. Hakikat yang juga wajib disedari, jurang kekayaan berlaku secara lebih ketara bukan sahaja antara Melayu dengan bukan Melayu, tetapi antara Melayu yang berada dengan Melayu yang tidak berada.
9. Jurang yang sedang berlaku, tidak lagi boleh disalahkan kerana dasar diskriminasi dan dasar pecah - perintah Kerajaan Kolonial Inggeris, kerana jurang ini berlaku, pada ketika bangsa berada di bawah pemerintahan kerajaan merdeka, di bawah pimpinan politik Melayu, dengan penggubalan dasar-dasar yang disifatkan memberi kelebihan kepada orang Melayu, dan ketika amanah menggubal dan melaksana dasar diserahkan kepada majoriti orang Melayu. Hakikat turut menunjukkan, pelbagai skandal menyentuh amanah, rasuah dan integriti, dilaporkan semakin berlaku, malah berlaku pada skala yang begitu besar; dilakukan oleh profesional Melayu, perlakuan yang amat bercanggah dengan pegangan agamanya Islam, dan budaya bangsa Melayu yang sangat menegaskan aspek-aspek jujur, amanah, harga diri dan maruah. Berlaku pelbagai ketirisan - berlaku pelbagai penyimpangan di peringkat perlaksanaan dasar, mengakibatkan matlamat dan sasaran program ekonomi untuk orang Melayu, gagal mencapai sasaran.
10. Kepincangan yang sedang berlaku, menuntut kepada perlunya orang Melayu mengakui kesilapan, lalu bertekad, segera melakukan pembetulan. Jika orang Melayu tidak ada kesungguhan mahu melakukan pembetulan, dibimbangkan akan muncul di pentas hidup Malaysia moden, lebih ramai watak Lebai Malang dan Pak Pandir, watak-watak seperti yang digambarkan di dalam kisah-kisah jenaka rakyat. Mat Jenin moden muncul di pentas hidup masa kini, disebabkan sifat kurang disiplin di kalangan anak Melayu yang pernah diberikan banyak peluang menjadi kaya, tetapi terlalu awal bermimpi asyik, hingga terherpas jatuh ke tanah. Akibatnya orang Melayu menghadapi nasib Pak Kaduk, menari-nari dalam sorak kemenangan palsu, diiringi korus, membiarkan Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Akibatnya bangsa menghadapi nasib menang sabung - kampung tergadai.
11. Sudah 70 tahun GPMS ditubuhkan. Sudah 61 tahun negara mencapai kemerdekaan. Landskap negara secara fizikal, sosial, ekonomi dan politik telah berubah. Landskap negara yang berubah, menuntut bangsa berani melakukan perubahan minda secara radikal untuk mengharungi cabaran baru. Orang Melayu yang gagal melakukan pengubahsuaian minda untuk menghadapi senario baru, dibimbangkan akan menghadapi nasib pupus seperti dinosaurus. Dinosaurus mempunyai tubuh yang besar tetapi minda yang kecil; minda yang tidak berupaya melakukan pengubahsuaian selaras dengan perubahan persekitaran, memilih kekal hidup dengan habitat lama, lalu populasinya mengecil, pada akhirnya terus pupus, yang tinggal hanyalah bahan-bahan fosil, dipamerkan di muzium dan dijadikan bahan kajian.

12. Orang Melayu wajib meneliti realiti semasa, menerima hakikat bahawa telah wujud persekitaran baru di pentas negara dan di pentas dunia. Orang Melayu wajib mencelikkan mata, segera bangun daripada olekan mimpi hari semalam, berani memamah realiti baru walau sepahit mana sekalipun. Orang Melayu memerlukan kaedah perjuangan baru untuk memastikan kelestarian bangsanya dalam menghadapi iklim baru politik pasca Pilihanraya Umum keempat belas, pada era petai dan jering, tempoyak dan budu, pucuk ubi dan pucuk paku, keledek dan keladi, sudah dimakan secara bergarpu bersudu, dihidangkan di hotel ternama lima bintang, agar orang Melayu tidak tercincir ketika menghadapi era Revolusi Industri Keempat dan era *artificial intelligence*. Orang Melayu hendaklah pantas mengubah minda, berani memeriksa kesalahan diri sendiri, lalu melakukan penghijrahan minda dan penghijrahan budaya, daripada terus berada di dalam minda penafian untuk menyalahkan orang lain.

13. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam ayat 11 surah Ar-Rad bermaksud:

*“...Sesungguhnya ALLAH tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka. Dan apabila dikehendaki oleh ALLAH keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolak, dan tidak ada pelindung bagi mereka selain daripada Ny”.*¹

¹Al-Quran: Ar-Ra'd, (13:11)

14. Sembilan puluh enam (96) orang pelajar Melayu yang mengikuti pengajian di United Kingdom, di Raffles College dan di King Edward College of Medicine Singapura pada tahun 1948, adalah antara perintis kepada kelahiran inteligensia Melayu. Mereka mencipta kejayaan, kerana minda serta minda keluarga mereka berani keluar daripada tempurung pemikiran yang sempit. Ketika ramai keluarga Melayu pada era tersebut, mencurigai untuk menghantar anak-anak belajar ke sekolah berbahasa pengantar Inggeris, kebetulan pula banyak daripada sekolah tersebut di pelopori oleh mubaligh Kristian, dengan tanda salib terpampang jelas pada bangunan sekolah, keluarga kepada 96 pelajar ini, telah berani merentasi sempadan budaya, memasukkan anak-anak mereka ke alam persekolahan yang terletak di luar lilitan bulatan atau *circumference* bangsanya. Tidak pula kedengaran kepada kita, ada di kalangan mereka yang murtad atau menganut agama Kristian. Malah dengan keberanian melakukan penghijrahan minda, dan kegigihan memasuki gelanggang yang terletak di luar komuniti bangsanya, jiwa dan semangat Melayu mereka menjadi lebih kental; di kalangan mereka yang mengahwini gadis Inggeris, perkara yang sebaliknya berlaku, gadis-gadis Inggeris tersebut yang memeluk agama Islam.

15. Orang Melayu jika mahu dimajukan, tidak harus ditakutkan dengan bayang-bayang. Anak Melayu jangan ditakutkan dengan kisah tayahul, ditakut-takutkan kepada kawasan perkuburan yang dimomokkan sebagai tempat hantu berkampung. Bangsa Melayu tidak boleh maju kalau kekuatan bangsa mahu dibina dengan jiwa atau *psychye* yang ditakut-takutkan. *Di sebaliknya orang Melayu akan menjadi lebih kuat dan lebih yakin, jika jiwa mereka dibina dengan semangat berupaya melakukan pengubahsuaihan kepada persekitaran yang sudah berubah, diberanikan untuk melakukan adaptasi selaras dengan dinamik dunia yang tidak pernah statik, dan digalakkan untuk terjun ke dalam lautan yang lebih luas lagi pelbagai*. Berhentikan sifat menyalahkan tanah yang tinggi rendah, bila tidak pandai menari; Melayu hendaklah menjadi penari hebat meskipun tanah tinggi rendah.

16. Sesuai dengan cogan kata GPMS, BELAJAR! TERUS BELAJAR, demi kelangsungan bangsa, orang Melayu hendaklah terus disemaikan dengan kesedaran untuk terus belajar, dan orang Melayu pada setiap masa hendaklah mengamalkan budaya belajar! terus belajar.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقٍ وَالْهِدَايَةُ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN DEWAN PENGINAPAN MAHASISWA MAIPk

KUALA KANGSAR, 26 Julai 2018 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah berkenan mencemar duli untuk merasmikan tiga bangunan baharu di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Keberangkatan tiba baginda diiringi oleh YAB. Menteri Besar, Encik Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu dan Naib Canselor USAS, YBhg. Tan Sri Dato' Profesor Dr. Nordin Bin Kardi. Turut berkenan berangkat ialah, Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah yang juga Canselor USAS berkenan menyempurnakan lafaz perasmian Masjid

Raja Permaisuri Bainun, Dewan Penginapan Mahasiswa Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Perpustakaan Raja Ashman Shah dengan menandatangani plak perasmian. Terdahulu, baginda turut berkenan menonton video montaj perasmian ketiga-tiga bangunan baharu itu dan kemudian melawat Perpustakaan Raja Ashman Shah serta Dewan Penginapan Mahasiswa MAIPk. Dewan penginapan MAIPk dibina dengan pembiayaan MAIPk membabitkan dua blok bangunan lima tingkat dengan mempunyai 75 unit kediaman yang bernilai RM13.5 juta serta mampu menempatkan lebih 720 pelajar dalam satu masa. Dewan Penginapan ini dibina bagi menampung peningkatan pelajar USAS dan ianya sudah mula diduduki pelajar sejak Januari lalu. Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB. Dato' Haji Mohd. Gazali Bin Jalal, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amirudin Muhamed dan dif-dif kenamaan yang lain.



MAJLIS PERPISAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk, YBHG. DATO' DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED

IPOH, 31 JULAI 2018 - Satu majlis perpisahan telah diadakan di Dewan Al-Ghazali Kompleks Islam Darul Ridzuan sempena pertukaran Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed ke Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau telah berkhidmat di MAIPk selama empat tahun tujuh bulan mulai Januari 2014 sehingga 31 Julai 2018. Tanggal 1 Ogos 2018, beliau telah melaporkan diri ke Kementerian Kewangan Malaysia. Majlis perpisahan ini dimulakan dengan bacaan doa dan seterusnya ucapan daripada pengurus majlis. Kemudian acara dimeriahkan lagi dengan tayangan video *tribute* yang ditujukan khusus kepada YBhg. Dato'. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan perpisahan daripada Timbalan Ketua Pegawai Esekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura Binti Wan Zahari dan seterusnya ucapan YBhg. Dato' Dr. Amiruddin buat terakhir kali untuk semua kakitangan MAIPk.

Setelah ucapan yang disampaikan oleh YBhg. Dato', majlis diteruskan dengan acara penyampaian hadiah dan cenderahati daripada warga kerja MAIPk. Majlis sempena perpisahan YBhg. Dato' ini kemudian disusuli dengan jamuan makan. Majlis diakhiri dengan warga kerja MAIPk beratur panjang dengan penuh mesra bersalaman dengan YBhg. Dato' dan seterusnya mengiringi kepulangan beliau ke tempat parkir kereta MAIPk. Akhir kata, warga MAIPk mengucapkan selamat maju jaya dan ribuan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed di atas segala jasa dan sumbangan yang diberikan sepanjang berkhidmat di MAIPk.



TUJUH BUAH RUMAH BAHARU MAIPk DI KAMPUNG ORANG ASLI POS GEDONG BIDOR

BIDOR, 18 Julai 2018 – Pihak MAIPk telah mengadakan Majlis Penyampaian Bantuan Bina Rumah di Kampung Orang Asli Pos Gedong Bidor. Seramai 7 ketua keluarga dalam kalangan asnaf menerima bantuan bina rumah baharu daripada MAIPk berjumlah RM306,000.00 bagi 2 unit rumah jenis A, 5 unit rumah jenis B serta kos tambahan sebanyak RM14,000.00. Pada majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.

Setiap tahun peningkatan bagi bantuan bina dan baikpulih adalah hampir 50 buah unit rumah. Pada tahun 2017, sebanyak 277 buah unit rumah bina baru telah dibina dan 521 buah unit rumah asnaf telah dibaiki. Peningkatan ini juga adalah hasil daripada program Jejak Asnaf yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 iaitu sebanyak 169 buah keluarga telah dijejaki melibatkan sumbangan bantuan bina rumah, baikpulih rumah, dan bantuan kewangan bulanan dengan perbelanjaan sebanyak RM4,451,543.56. Sejak dari tahun 2014 sehingga kini sebanyak 1,060 unit rumah baharu telah dibina dengan kos sebanyak RM47,916,656.54

manakala 2,197 unit telah dibaikpulih dengan kos sebanyak RM31,395,803.67 dan melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM79,312,460.21.



ZIARAH MAHABBAH MASYARAKAT ORANG ASLI SG. CHIONG, TASIK BANDING GERIK

GERIK, 20-21 Julai 2018 - Bertempat di Perkampungan Orang Asli Sungai Chiong RPS Banun, satu program yang dinamakan "Ziarah Mahabbah" telah dianjurkan oleh MAIPk daerah Gerik. Program ini dijayakan bersama oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed dan disertai oleh 35 orang kakitangan MAIPk dari seluruh Negeri Perak. Pelbagai aktiviti telah dijalankan di antara kakitangan MAIPk dan masyarakat Orang Asli antaranya ialah perlawanan bolasepak, pertandingan nyanyian ketuhanan, dan pertandingan memasak masakan tradisional.

Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim antara masyarakat orang asli dan juga pihak MAIPk. Selain itu, pendekatan ziarah ini adalah untuk meraikan mereka

supaya saling mengenali dan mewujudkan persaudaraan dalam Islam tidak tertumpu kepada satu kaum dan bangsa sahaja. Sepanjang 2 hari program tersebut, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammed telah meninjau berberapa keperluan penduduk pulau tersebut dan telah meluluskan sebuah rumah baharu dan 2 buah bot penumpang berkapasiti 10 orang sebagai kemudahan masyarakat di situ untuk keluar ke pekan Gerik bagi tujuan keperluan harian mereka. Pada penutup program ini, sumbangan wang tunai sebanyak RM200 dan keperluan barang dapur telah disampaikan kepada 80 keluarga. Peserta ziarah telah diberi layanan yang begitu baik daripada Masyarakat Orang Asli Sg. Chiong dan mereka begitu menghargai kunjungan dari pihak MAIPk.



PROGRAM JEJAK ASNAF

DAERAH **BAGAN SERAI**

BAGAN SERAI , 13 September 2018 - Program Jejak Asnaf telah diadakan di daerah Bagan Serai dengan sebanyak lapan buah rumah telah diziarahi. Skuad Jejak Asnaf MAIPk ini dijayakan bersama oleh Puan Hajah Wan Maizura Binti Wan Zahari,Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk. Pihak MAIPk sentiasa turun padang dalam usaha mencari dan membantu golongan asnaf yang memerlukan

bantuan zakat. Sepanjang program ini, beberapa jenis bantuan telah disalurkan seperti bantuan segera dan bantuan kewangan. Pihak MAIPk juga telah mengenalpasti jenis bantuan yang sewajarnya seperti bantuan baikpulih rumah dan bantuan bina rumah pada keluarga golongan asnaf yang telah disantuni. Turut hadir bersama dalam program ini ialah Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Serai Encik S.Daud Bin Shehamy serta pegawai-pegawai dari MAIPk daerah dan ibu pejabat MAIPk.



DAERAH **SELAMA**

SELAMA , 20 Ogos 2018 - Skuad Jejak Asnaf MAIPk telah diadakan di Mukim Ijok dan Mukim Hulu Selama yang dijayakan bersama oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri Bin Lee. Turut menyertai program ini ialah pegawai-pegawai dari MAIPk daerah dan ibu pejabat MAIPk serta diiringi oleh Pegawai Baitulmal Daerah Selama, Encik Muhammad Naqib Bin Mohamad Tarmizi. Skuad Jejak Asnaf yang terlibat telah menziarahi rumah Puan Mek Pong Binti Mat Ali di Kampung Masjid, Ijok dan rumah Encik Abdul Rahman Bin Ahmad di Kampung Sungai Simpul, Ijok. Hasil dari ziarah asnaf tersebut pihak MAIPk telah mencadangkan Skim Bantuan Bina Rumah MAIPk kepada Puan Mek Pong dan Encik Abdul Rahman. Sumbangan berupa wang tunai dan barang makanan juga turut diserahkan semasa program ini.



DAERAH PARIT BUNTAR

PARIT BUNTAR, 13 September 2018 – Bagi menterjemahkan dan memperkasakan keprihatinan MAIPk terhadap golongan-golongan yang tidak berasib baik, MAIPk telah mengadakan program Jejak Asnaf 2018 di sekitar daerah Parit Buntar. Program Jejak Asnaf 2018 ini menyasarkan kepada enam (6) buah rumah asnaf terpilih iaitu di sekitar Parit Tok Hin Kuala Kurau, Parit Sungai Baru Darat, Parit Tg Piandang, Sungai Betul Bawah Tg Piandang, dan Kuala Bagan Tiang di daerah Parit Buntar. Program Jejak Asnaf tersebut telah disertai oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat Ustaz Bakri Bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Pengurusan & Pembangunan Mal dan Wakaf Ustaz Suhaimi Bin Yusoff, Pengurus Unit Pembangunan Asnaf Ustaz Ahamad Muzammil Bin Arbain, Pegawai Baitulmal Daerah Parit Buntar Encik Mohamad Razif Bin Mokhtar serta pegawai-pegawai dari MAIPk daerah dan ibu pejabat MAIPk. Program ini bertujuan untuk menziarahi dan menyantuni penerima bantuan bulanan MAIPk daerah Parit Buntar dan memberi bantuan barang dapur dan duit saku untuk setiap keluarga. Dari segi bantuan bina rumah dan juga bantuan perubatan juga diberi kepada Asnaf yang memerlukan.



DAERAH PENGKALAN HULU

PENGKALAN HULU, 18 September 2018 – Pihak MAIPk telah mengadakan program Jejak Asnaf di sekitar daerah Pengkalan Hulu dengan sebanyak lima buah rumah asnaf telah diziarahi di sekitar Kg. Tanjung Luas Air Panas, Jalan Tasek Kg. Selorong, Kg. Bukit Buloh Kuan Intan, Kg. Kuak Luard dan Kg. Kuak Tengah. Program Jejak Asnaf tersebut telah disertai oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri Bin Lee, Pengurus Unit Pembangunan Asnaf Encik Ahamad Muzammil Bin Arbain, Pegawai Baitulmal Daerah Pengkalan Hulu, Encik Fairuz Bin Zahari serta pegawai-pegawai dari MAIPk daerah dan ibu pejabat MAIPk. Program ini bertujuan untuk menziarahi dan menyantuni penerima bantuan bulanan MAIPk serta dapat melihat jenis bantuan yang boleh disalurkan agar dapat meringankan bebanan yang ditanggung.

DAERAH GERIK

GERIK, 19 September 2018 – Skuad Jejak Asnaf MAIPk telah turun padang bagi menziarahi dan menyantuni keluarga di lima buah rumah asnaf di Kampung Tanjung Kasau Kenayat, Kampung Kenayat, Kampung Kerunai dan dua buah rumah di Kampung Kledang, daerah Gerik. Program Jejak Asnaf ini telah dijayakan bersama oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Puan Hajah Wan Maizura Binti Haji Wan Zahari, Pegawai Baitulmal Daerah Gerik Encik Amirudin Bin Osman serta pegawai-pegawai dari MAIPk daerah dan ibu pejabat MAIPk. Program Jejak Asnaf MAIPk ini diadakan untuk sesi turun padang dan terus melihat sendiri keperluan asnaf-asnaf yang memerlukan bantuan sekaligus memudahkan jenis bantuan yang boleh disalurkan kepada golongan asnaf fakir dan miskin.



AGIHAN DUIT RAYA BERJUMLAH RM197,650 KEPADA ANAK YATIM DAN PELAJAR TAHFIZ MTQ SWASTA

CHEMOR, 6 Julai 2018 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Yayasan Amanah An-Nur Maisarah, Chemor. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Dr. Amiruddin Bin Muhammed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Pihak MAIPk telah mengajukan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada anak-anak yatim di bawah jagaan pusat anak yatim dan pelajar tafsiz swasta seluruh negeri Perak. Agihan ini telah melibatkan 23 buah pusat jagaan anak yatim dan 58 pusat tafsiz MTQ swasta. Turut disampaikan sumbangan kepada Persatuan Prihatin HAWA Ihsan, Ipoh Perak sebanyak RM20,000.00.

ZIARAH KASIH ASNAF DI DAERAH MUALLIM

MUALLIM, 20 Ogos 2018 – “Sumbangan Iduladha 1439H” kolibrasi bersama antara Encik Hanafiah iaitu seorang Usahawan Muslim dan MAIPk Daerah Muallim telah mengadakan satu ziarah kasih bagi penyerahan sumbangan berbentuk barang dapur dan wang saku bagi asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan MAIPk Daerah Muallim. Encik Hanafiah yang merupakan peniaga barang elektrik (SH Electrical) di pekan Slim River telah bersetuju turun bersama untuk melihat sendiri 11 keluarga penerima yang sesuai untuk diserahkan sumbangan tersebut. Hasil daripada serahan sendiri oleh beliau sedikit sebanyak memberi gambaran berkenaan tugas-tugas di Baitulmal yang dilihat sentiasa mencabar dan ianya boleh dicontohi. Beliau juga turut beramah mesra bersama-sama penerima dan keluarga. Turut hadir ialah Pegawai Baitulmal Daerah Muallim, Encik Dzulbazli Bin Mahamat Ali.



ZIARAH MAHABBAH DI MAIPk TAPAH

TAPAH , 7 September 2018 - Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Daerah Tapah telah menganjurkan majlis penyerahan bantuan sumbangan kepada golongan asnaf. Majlis penyerahan bantuan sumbangan ini telah dijayakan bersama Orang Besar Jajahan Batang Padang Y.D.H. Toh Paduka Indera Dato' Haji Mat Rasid Bin Ayob dan dikelolakan oleh Ustaz Haji Hamdi Bin Othman merangkap Pegawai Baitulmal Daerah Tapah dan Encik Mat Kasa @ Mohamad Kasa Bin Arsad Penghulu Mukim Bidor.

Pada masa majlis tersebut penyerahan bantuan perubatan telah disampaikan kepada Hanis Nur Syamimi Binti Yusrey dan Hanis Nur Nadhirah Binti Yusrey yang menerima bantuan cermin mata di Rumah Telekom, Jalan Temoh dan Encik Mohamad Ali Bin Padu yang menerima bantuan kerusi roda di Kampung Seri Dermawan Tapah Road. Penyerahan bantuan diteruskan ke rumah Siti Herlina Binti Omar yang ditimpah musibah.

SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPk



Sumbangan Bantuan Perubatan Dan Kewangan Kepada Keluarga Di Kg.Tengku Husin Lama Pada 16 Julai 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Keluarga Encik Mohd Hisam Bagi Menampung Kos Perubatan Anaknya Yang Memerlukan Rawatan Susulan (Tempurung Kepala) Di Taman Meru Perdana Pada 24 Julai 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Asnaf Di Kg. Tahan, Sauk Pada 25 Julai 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Puan Noorhanizawati Daerah Tapah Pada 2 Ogos 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Keluarga Encik Anuar Bin Mat Rahim Daerah Selama Pada 2 Ogos 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Keluarga Encik Rosli Yang Ditimpakan Musibah Ribut Di Kampung Ulu Slim Pada 2 Ogos 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Adik Shamsul Anuar Bin Saaban Yang Sedang Sakit Terlantar Di Selama Pada 4 Ogos 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Puan Norlilah Binti Ahmad Yang Menghidap Kanser Usus Di Kampar Pada 6 Ogos 2018



Sumbangan Bantuan Perubatan Dan Kewangan Kepada Puan Rasmah Binti Kadir Di Chemor Pada 7 Ogos 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Keluarga Puan Hamisah Binti Bujang Di Jalan Felda Sg. Behrang, Muallim Pada 13 Ogos 2018



Sumbangan Bantuan Perubatan Kepada Keluarga Puan Norliah Binti Ahmad Yang Menghidap Penyakit Kanser Kerongkong Di Kg. Dato Ahmad Said Tambahan 2 Pada 12 September 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Keluarga Encik Khairul Azuan Di Kg. Senggang, Kuala Kangsar Pada 18 September 2018

MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN ZAKAT MAIPk PARIT BUNTAR

PARIT BUNTAR, 28 Ogos 2018 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu majlis penyampaian bantuan Zakat kepada fakir miskin di K-Garden Hotel, Parit Buntar Perak. Bantuan yang telah disalurkan kepada fakir miskin ialah, Bantuan Persekolahan sesi 2018, Bantuan Rumah bagi program serahan bantuan bina rumah 2018, Program Pemerkasaan Asnaf 2018 dan Bantuan Bulanan. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pegawai Baitulmal

Daerah Parit Buntar, Encik Mohamad Razif Bin Mokhtar. Hadir bersama ke majlis ini ialah, Pegawai Pendidikan Daerah Kerian, Tuan Haji Mazalani Bin Abdul Muhamini. Tujuan Majlis ini dilangsungkan ialah untuk memberi pendedahan kepada pihak sekolah berkenaan pengagihan bantuan sekolah kepada anak-anak Asnaf Fakir dan Miskin. Seterusnya, menyampaikan maklumat dan prosedur-prosedur agihan zakat terutamanya bantuan pendidikan kepada golongan pendidik. Disamping itu juga, ia merupakan salah satu ruang bagi hebahan dan mempromosikan peranan MAIPk dalam mengagihkan wang zakat dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pihak MAIPk dengan guru-guru di Daerah Parit Buntar.



PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN MAIPk DAERAH SELAMA

SELAMA, 11 Julai 2018 – MAIPk daerah Selama telah mengadakan Program Penyampaian Bantuan Persekolahan MAIPk bagi daerah Selama di bilik mesyuarat Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah Selama. Penyampaian ini telah dihadiri oleh 4 orang pengetua sekolah menengah dan 16 orang guru besar sekolah rendah. Pada tahun 2018, sebanyak RM144,450.00 telah diagihkan kepada sekolah-sekolah di daerah Selama dan juga kepada yang bersekolah di luar daerah Selama. Majlis penyampaian telah dimulakan dengan ucapan oleh Pegawai Baitulmal Daerah, Encik Muhammad Naqib Bin Mohamad Tarmizi. Pada majlis penyampaian turut diadakan taklimat ringkas berkenaan Skim-Skim Bantuan MAIPk. Sesi penyampaian bantuan diteruskan dengan penyerahan cek dan sub-baucer kepada sekolah yang terlibat. Majlis diakhiri dengan sesi fotografi dan tetamu diraikan dengan jamuan hari raya di perkarangan pejabat MAIPk Selama.



MESYUARAT SEKRETARIAT PENGURUSAN ZAKAT NEGERI-NEGERI (SPZN)

IPOH, 23-25 Julai 2018 - Mesyuarat Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri-Negeri (SPZN) kali ke-25 telah berlangsung di Hotel Casuarina Meru Ipoh, Perak. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr Amiruddin Bin Muhamed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil-wakil pengurusan Institusi Zakat Negeri (PPZ) dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Negeri Perak dipilih sebagai tuan rumah untuk mengadakan mesyuarat pada kali ini bagi membincangkan agenda-agenda seperti agen-agen kutipan

zakat tanpa tauliah, pengumpulan data-data berkaitan kutipan dan agihan zakat negeri-negeri dan sebagainya. Semoga dengan pertemuan daripada pengurusan PPZ dan MAIN negeri-negeri ini akan memberikan satu impak dan idea yang bernes dalam memperkasakan institusi zakat serta terus membela golongan asnaf. Pengurus SPZN turut merakamkan ucapan jutaan terima kasih atas kerjasama yang diberikan sepanjang mempengerusikan SPZN dan mengharapkan SPZN akan terus maju jaya.



GERAKAN KESEDARAN HIBAH PERINGKAT DAERAH TAPAH

TAPAH, 19 Julai 2018 - Gerakan Kesedaran Hibah Peringkat Daerah Tapah telah diadakan di Dewan Sekolah Menengah Sains Tapah. Taklimat Gerakan Kesedaran Hibah Daerah Tapah ini disampaikan oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan. Majlis dirasmikan oleh Y.D.H. Toh Paduka Indera Dato' Hajji Mat Rasid Bin Ayob, Orang Besar Jajahan Batang Padang. Taklimat ini dihadiri oleh seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada Guru Pengajian Islam diantaranya Guru Takmir lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Guru Pendidikan Islam (GPI) Pejabat Pendidikan Daerah Batang

Padang), Guru K.A.F.A Jabatan Agama Islam Perak Daerah Tapah dan sebahagian pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah.

Objektif taklimat ini bertujuan untuk memperkenal dan menyedarkan umat Islam mengenai amalan hibah seterusnya dapat menghindar atau meminimumkan umat Islam daripada menghadapi masalah agihan harta pusaka selepas kematian pemilik harta. Selain itu, hibah ini dapat membantu harta pusaka dapat diagih dengan cepat dan tepat supaya boleh segera digunakan oleh penerima untuk menjana kegiatan ekonomi, membimbing dan menggalakkan umat Islam melakukan hibah ketika masih hidup serta memperkenalkan platform mengenai urusan menyediakan dokumen hibah melalui perkhidmatan profesional.



BERITA SANA SINI



Penyerahan Bantuan Modal Peralatan Bot Dan Enjin Kepada Encik Nazri Di Kuala Kangsar Pada 3 Julai 2018



Majlis Penyerahan Kabin Gunting Rambut Asnaf Di Masjid An-Nur, Batu 8, Ulu Kinta Pada 3 Julai 2018.



Majlis Penyerahan Kabin Gunting Rambut Asnaf Di Seri Manjung Di Masjid Jamek Al-Ihsan, Seri Manjung Pada 6 Julai 2018.



Taklimat Penilaian Benchmark Ke Atas Fungsi Zakat MAIPk Oleh Pricewaterhousecoopers (PWC) Pada 25 Julai 2018



Penyerahan Bantuan Modal Peralatan Mesin Rumput, Mesin Racun, Mesin Pemotong Kayu, Dan Kereta Sorong Kepada Encik Bahtiar Di Muallim Pada 2 Ogos 2018



Lawatan Ke Akademi Binaan Malaysia Dan Naza Bagi Memberi Galakan Dan Motivasi Kepada Peserta-Peserta Asnaf Bagi Latihan Kemahiran Automotif Jentera Berat Pada 3 Ogos 2018.



Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Di Kg. Orang Asli Keeb, Sg. Siput Pada 13 Ogos 2018.



Penyerahan Bantuan Mesin Penghasilan Kuah Rojak, Mesin Pengisar Ais, Dan Ketuhar Kepada Encik Syamsudin Di Seri Iskandar Pada 27 Ogos 2018



Program Ceramah Khas Oleh Imam Muda A.F Ustaz Jabbar Iaitu Pendakwah Korporat MAIPk Di Masjid Al-Aula, Simpang 4 Hutan Melintang, Bagan Datuk Pada 14 September 2018



Persidangan MAJLIS Kali Ke-205 Pada 27 September 2018

PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA MAIPk

IPOH, 2 Julai 2018 – Taiping Medical Centre menunaikan zakat perniagaan yang berjumlah RM17,000.00 bagi tahun kewangan 2017 di Taiping KPJ Medical Center. Zakat perniagaan tersebut telah diserahkan oleh Pengarah Eksekutif, Tuan Haji Roslan Bin Ahmad kepada MAIPk yang diwakili oleh A.F Ustaz Mohd Latiff Bin Talib, Pengurus Bahagian Pemasaran, MAIPk.



IPOH, 10 Julai 2018 – Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak telah menunaikan zakat perniagaan yang berjumlah RM20,000.00 bagi tahun kewangan 2017 sewaktu Mesyuarat Agung Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak bertempat di MH Hotel, Ipoh. Zakat perniagaan tersebut telah diserahkan oleh Pengurus Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad, Y.Bhg. Dato' Haji Umar Bin Haji Ismail kepada MAIPk yang diwakili oleh A.F Ustaz Mohd Latiff Bin Talib, Pengurus Bahagian Pemasaran, MAIPk.



IPOH, 18 September 2018 – Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara telah menunaikan zakat perniagaan yang berjumlah RM20,000.00 bagi tahun kewangan 2017. Zakat perniagaan tersebut telah diserahkan oleh Encik Mohamad Nazri Bin Haji Zakaria, Ketua Pegawai Operasi ABM (Wilayah Utara) kepada MAIPk yang diwakili oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk.

7 Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Persekutuan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- 1 Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.
- 2 Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- 3 Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- 4 Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
- 5 Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
- 6 Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
- 7 Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

